

Dominasi lelaki tak ragut semangat

#M 24/6/2022 MS: 18

Hakimah anggap kecekapan seorang pelaut tak ditentukan jantina

Cita-cita sebenar Hakimah Saiful Bahri ingin menjadi peguam namun segalanya berubah apabila anak kelahiran kota metropolitan Kuala Lumpur ini melihat iklan Akademi Laut Malaysia (ALAM) untuk jawatan kadet wanita.

“Selepas dapat keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada tahun 2007, saya banyak melihat ruangan iklan dalam suratkhbar kalau-kalau ada tawaran biasanya untuk lanjut pelajaran. Bila nampak iklan ALAM, hati saya terus tergerak untuk memohon meskipun saya bercita-cita mahu jadi peguam.

“Saya bayangkan diri saya menjadi pelaut dan belayar ke seluruh dunia. Sebenarnya belum ada sesiapa pun dalam keluarga saya yang menyertai industri maritim,” kongsi Hakimah, mengenai pengalamannya sebagai pelaut di Seminar Kebangsaan *Women's Network in the Maritime Community 'Training-Visibility-Recognition'* yang diadakan di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Seminar ini dianjurkan oleh Persatuan Wanita Dalam Maritim (MyWIMA) dengan kerjasama Kementerian Pengangkutan dan Per-

satuan Perkapalan dan Perdagangan Antrabangsa Wanita.

ALAM yang ditubuhkan pada tahun 1977 mula membuat pengambilan kadet wanita pada tahun 2006 dan Hakimah yang mengambil Diploma Pengajian Nautikal adalah antara calon kumpulan kedua kadet wanita ALAM.

Hakimah tamat pengajian sebagai pegawai dek pada tahun 2010.

Pada usia 33 tahun, pencapaian Hakimah sebagai pelaut wanita amat membanggakan apabila beliau menyandang beberapa jawatan penting dalam industri yang dikuasai kaum adam.

Di samping menyandang jawatan ketua pegawai atau pegawai kedudukan dinamik kanan (DPO) kapal sokongan menyelam, beliau juga perintis wanita perta-

ma memperoleh Sijil Ke-kompetenan Kelas 1 Pelayaran Tanpa Had, Master 3,000GT pada tahun 2020. Sijil ini membolehkan beliau mengemudi sebarang bentuk kapal dalam perairan negara dan antarabangsa pada tahun 2020.

Sebagai DPO, Hakimah bertanggungjawab ke atas sistem selamat penjagaan stesen dan memantau operasi logistik di sekeliling beliau, seperti pergerakan kapal bekalan atau

helikopter.

(COC adalah lesen yang disahkan oleh Jabatan Laut Malaysia untuk pelaut bagi mengemudi kapal semasa berada di laut.)

Kedudukan Dinamik (DP) adalah sistem yang mengawal kedudukan serta kestabilan kapal ketika berada di laut, dengan menggunakan propeler dan penujah. Pegawai DP bertindak sebagai penjaga waktu utama di meja kawalan DP, mengoperasi dan memantau sistem DP serta memantau operasi lo-

gistik di sekitar kapal.

“Saya juga bertanggungjawab mengawal sistem komputer DP di samping unit tujahan, penguurusan tenaga dan lebihan peralatan.

“Saya juga memantau radar secara berkala untuk perubahan trafik serta keadaan cuaca, memastikan kapal berada dalam keadaan stabil di atas kedudukan yang ditetapkan di dasar laut dan membantu pengurus pemasangan luar pantai menyedikan sistem kecemasan serta pengendaliannya semakmurnya berlaku kegagalan mekanikal,” tambahnya.

Setakat ini, Hakimah sudah belayar ke lebih 20 buah negara merentasi Laut China Selatan, Lautan

Pasifik, Lautan Atlantik, Laut Mediterranean, Laut Utara, Lautan Hindi, Teluk Benggala, Laut Norway, Laut Baltik dan pelbagai se-

lat. Berkhidmat dalam industri maritim bukan sahaja mencabar tetapi juga berbahaya. Menurut Hakimah, latar belakangnya membesar dengan lima orang adik-beradik lelaki banyak membantu bekerja dengan kaum adam tanpa rasa bimbang dan janggal.

“Menjadi pegangan saya bahawa dalam industri yang dikuasai oleh lelaki, seseorang itu perlu melihat kepada kemampuan menjalankan tugas menurut kekuatan, kecekapan dan pengalaman dan tidak kepada perbezaan jantina serta fizikal.

“Apatah lagi, setiap pelaut melalui fasa pembelajaran, latihan serta penilaian pemeriksaan standard. Penting juga sikap hormat-menghormati sesama rakan sejawatan bagi mengekalkan persekitaran kerja yang positif. Keadaan ini akan membolehkan kami kaum hawa mengetuai pasukan, memberi arahan serta menjalankan tanggungjawab serta tugas kami,” katanya.

“
Saya bayangkan
diri saya menjadi
pelaut dan belayar
ke seluruh dunia
Hakimah



HAKIMAH menyandang beberapa jawatan penting dalam industri yang dikuasai orang lelaki.

